

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 19 MEI 2015

SOALAN : Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan status terkini berkenaan pelajar-pelajar Malaysia di Yemen dan usaha Kerajaan dalam memastikan keselamatan pelajar-pelajar ini terjamin

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Kerajaan telah berjaya membawa pulang sejumlah 703 orang rakyat Malaysia yang memilih untuk meninggalkan negara bergolak tersebut. Walau bagaimanapun, masih terdapat seramai 182 orang rakyat Malaysia yang memilih untuk kekal berada di Yemen.

3. Pegawai-pegawai di Kedutaan Besar Malaysia di Yemen telah berjumpa dengan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelajar-pelajar dan memaklumkan kepada mereka berkenaan situasi keselamatan terkini di Yemen dan meminta mereka untuk meninggalkan negara bergolak itu dengan kadar segera. Pegawai juga sentiasa berhubung dengan rakyat Malaysia dari masa ke semasa untuk memantau dan mendapatkan maklum balas.

4. Bagi memastikan keselamatan rakyat Malaysia terjamin, kerajaan terus memantau keadaan rakyat Malaysia melalui Kedutaan Besar Malaysia di Riyadh, Muscat, dan juga Konsulat Jeneral Malaysia di Jeddah.

Sekian, terima kasih.